

1.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Mereka bekerjasama menyusun _____ di bawah khemah supaya _____ tetamu dapat duduk dengan selesa.

- ☐ A beg-beg kertas
- ☐ B meja-meja makan
- ☐ C kerusi-kerusi plastik
- ☐ D bakul-bakul sampah

2.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Fazira gemar mengubah bunga untuk dijadikan _____ di dalam bilik tidurnya.

- ☐ A hiasan
- ☐ B berhias
- ☐ C penghias
- ☐ D menghias

3.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul**.

- I Kereta itu hilang kawalan lalu *langkah* pembahagi jalan.
- II Baru beberapa *langkah* berjalan, Rashid telah mengeluh kepenatan.
- III Saya menyimpan alat pemadam api di dalam rumah sebagai *langkah* berjaga-jaga.
- IV Doktor itu menerangkan beberapa *langkah* berkesan untuk menurunkan berat badan kepada pesakitnya.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

4.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul**.

- I Penduduk kampung bekerjasama membaiki rumah Pak Isa yang *muram* itu.
- II Hidupnya tidak *muram* lagi setelah dia mendapat pekerjaan tetap di syarikat itu.
- III Wajah Encik Fahmi sentiasa *muram* sejak perniagaan kereta terpakainya mengalami kerugian.
- IV Sejak beberapa hari yang lalu, matahari tidak muncul-muncul menyebabkan suasana menjadi redup dan *muram* sahaja.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

5.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis



Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** **mengandungi kesalahan** **penggunaan bahasa** **atau mungkin juga tidak.**
 Tandakan sama ada **A, B** **atau C** **jika** **ayat itu mengandungi kesalahan** **dan tandakan D** **jika tiada kesalahan.**

Aduhai, pameran foto dan lukisan tentang biodiversiti khazanah alam semula jadi di negara kita akan diadakan pada hari Sabtu ini!

- ☐ A Oh, pameran foto dan lukisan
- ☐ B Cis, pameran foto dan pelukis
- ☐ C Amboi, pameran foto dan melukis
- ☐ D Aduhai, pameran foto dan lukisan

6.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** **mengandungi kesalahan** **penggunaan bahasa** **atau mungkin juga tidak.**
 Tandakan sama ada **A, B** **atau C** **jika** **ayat itu mengandungi kesalahan** **dan tandakan D** **jika tiada kesalahan.**

Penghuni di beberapa buah rumah-rumah setinggan itu berusaha untuk menyelamatkan harta benda mereka daripada api yang sedang marak.

- ☐ A rumah setinggan itu berusaha
- ☐ B rumah setinggan-setinggan itu usahakan
- ☐ C perumahan setinggan itu mengusahakan
- ☐ D rumah-rumah setinggan itu berusaha

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul.**

- I Festival Seni Tari berlangsung dengan jayanya.
- II Baju teluk belanga yang dipakai oleh Aziz terkoyak.
- III Tokoh budayawan itu berasal dari Gombak, Selangor.
- IV Satu daripada tali yang terdapat pada gambus itu patah.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul.**

- I Hasil ciptaan kumpulan itu tidak memiliki apa yang istimewa.
- II Sekalian penduduk kampung berkumpul di balai raya mengapakah?
- III Sejak bilakah kamu menghasilkan kompiang daripada bahan terbuang ini?
- IV Alkisah bermula dengan putera raja yang bijaksana dan memiliki rupa paras yang tampan.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

9.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

Penyertaan murid dalam kem jati diri pada cuti sekolah dapat membendung mereka daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah.

- ☐ A Aktiviti tidak berfaedah dapat membendung murid daripada menyertai kem jati diri pada cuti sekolah.
- ☐ B Murid terhindar daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah pada cuti sekolah dengan menyertai kem jati diri.
- ☐ C Murid yang menyertai kem jati diri di sekolah dapat membendung murid lain daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah.
- ☐ D Murid yang menyertai kem jati diri pada cuti sekolah dapat menghindarkan diri daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah.

10.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Dali tidak terdaya mengangkat kotak yang berisi buku-buku rujukan itu.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- ☐ A Licin macam belut
- ☐ B Berat macam batu
- ☐ C Degil macam keldai
- ☐ D Kuat macam Badang